

SOALAN NO: 288

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DR. TAN SENG GIAW

SOALAN:

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah kemajuan guna tenaga manusia dan masalah pekerja asing serta langkah menyelesaikan.**

PR-1331-T66342

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kerajaan sedar akan isu guna tenaga yang dihadapi oleh negara pada masa ini. Kebergantungan terhadap tenaga kerja asing di dalam sektor-sektor tertentu seperti pembinaan, perladangan, pertanian dan lain-lain tidak dapat dielakkan kesan daripada kurangnya minat rakyat tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan di sektor tersebut.

2. Berdasarkan rekod pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dari tahun 2012 sehingga 2014, menunjukkan bahawa pengeluaran PLKS pekerja asing bagi sektor-sektor yang dibenarkan telah menunjukkan peningkatan. Pada tahun 2012, seramai satu juta, empat ratus tiga ribu, tiga ratus lapan puluh dua (1,403,382) orang asing dilaporkan telah bekerja di negara ini, ini diikuti tahun 2013 iaitu seramai satu juta, sembilan ratus enam puluh lima ribu, lapan ratus tujuh puluh (1,965,870) pekerja asing dan tahun 2014 iaitu seramai dua juta, lima puluh tujuh ribu, enam ratus lima puluh satu (2,057,651) orang asing.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Untuk makluman Dewan yang mulia, antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masaiah kebergantungan terhadap pekerja asing adalah seperti berikut:

- a) Mewujudkan perkongsian data dan maklumat pekerja asing antara pelbagai agensi untuk meningkatkan pemantauan ke atas majikan yang mempunyai pekerja asing;
- b) Pelaksanaan Sistem *JobsMalaysia* di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM). Penggunaan *JobsMalaysia* diwajibkan kepada semua majikan yang bercadang mengambil pekerja asing supaya majikan mengutamakan pekerja tempatan dahulu;

- c) Meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan dengan memperkenalkan program-program untuk menjayakan Dasar Pendapatan Tinggi (*High Income Policy*) bagi meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan dalam sektor utama yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi; dan
- d) Kerajaan turut memutuskan perkara berikut sebagai dasar kerajaan dalam usaha mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing:
 - i) Memperkemaskan semua prosedur dan proses pengambilan pekerja asing sedia ada;
 - ii) Membekukan pengambilan pekerja asing sektor perkhidmatan kecuali subsektor tukang masak restoran, pekerja pembersihan dan pencucian dan pekerja resort pulau peranginan;
 - iii) Syarikat membekal dan mengurus pekerja asing (*outsourcing*) hanya dibenarkan membekalkan pekerja kepada sektor perkilangan, perladangan dan pertanian sahaja;
 - iv) Menggalakkan industri beralih kepada industri berorientasikan modal melalui dana-dana bantuan modal Kerajaan, insentif cukai dan lain-lain;

- v) Tiada kebenaran baru bagi menjalankan perniagaan membekalkan dan mengurus pekerja asing (*out-sourcing*) akan dikeluarkan dan kajian lanjut akan dijalankan bagi memastikan matlamat pelaksanaan sistem ini benar-benar mencapai objektif digariskan;
- vi) Pekerja asing tidak dibenarkan bekerja di barisan hadapan (*frontliner*); dan
- vii) Menggalakkan lebih banyak perkhidmatan layan diri di sektor-sektor perkhidmatan diperkenalkan seperti restoran, stesen minyak, pasar mini dan lain-lain.